



BERNAMA.com

English | Malay | Mandarin | العربية | Español

George Kent Sasar Nilai Perolehan Projek RM3 Bilion

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- George Kent (M) Bhd menyasar nilai perolehan projek sebanyak RM3 bilion tahun ini, kata Pengerusi Kumpulan, Tan Sri Tan Kay Hock.

Tan berkata nilai perolehan projek semasa berjumlah RM1 bilion dan prospek bagi syarikat sangat memberangsangkan.

"Syarikat menyasar memperoleh nilai perolehan projek berjumlah RM5 bilion dalam tempoh dua tahun akan datang," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat di sini, Selasa.

Mengenai projek lanjutan laluan Ampang LRT 2, beliau berkata, tiada sebarang masalah utama berlaku dan ia berjalan lancar lebih daripada yang dijangkakan.

"Nilai kontrak hanya kurang sedikit daripada RM1.1 bilion dan nilai projek yang telah disiapkan melebihi RM500 juta," katanya.

Bagaimanapun, Tan berkata, mungkin ada sedikit kelewatan disebabkan terutamanya isu-isu berkaitan dengan kabel bawah tanah.

Beliau berkata syarikat itu merupakan satu daripada tujuh syarikat yang disenarai pendek bagi projek LRT 3.

Keuntungan sebelum cukai George Kent bagi suku pertama yang berakhir pada 30 April, 2015, meningkat sebanyak 51.27 peratus kepada RM13.17 juta.

Hasil turun kepada RM59.03 juta daripada RM64.86 juta sebelumnya.

-- BERNAMA